

02 NOV 2003

Abdullah-Lawatan (Rangkuman)

ATASI MASALAH PETANI AGENDA PERTAMA ABDULLAH

BUTTERWORTH, 2 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pulang ke ibu negara petang ini setelah meluangkan dua hari pertama beliau sebagai Perdana Menteri kelima dengan berjumpa petani selain bertemu rakyat di negeri kelahirannya.

Beliau bersama isterinya, Datin Seri Endon Mahmood, berlepas pulang dengan pesawat khas dari Lapangan Antarabangsa Bayan Lepas di Pulau Pinang pada 3.10 petang.

Ketua Menteri Pulau Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengetuai 200 orang termasuk pemimpin Barisan Nasional serta pegawai-pegawai kanan kerajaan mengucapkan selamat pulang kepada Abdullah dan isteri.

Mufti Negeri Pulau Pinang, Datuk Haji Hassan Ahmad membacakan doa selamat sebelum Perdana Menteri menaiki pesawat berkenaan.

Apa yang menarik dalam lawatan sulungnya selaku Perdana Menteri ialah Abdullah memilih petani dan penternak sebagai golongan pertama untuk ditemuinya, bukan tokoh korporat dan pegawai kanan kerajaan, selepas mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri Jumaat lepas.

Pada satu majlis hari ini, beliau mengumumkan bantuan segera berjumlah RM32 juta kepada petani dan penternak yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda Seberang Perai dan selatan Kedah bulan lepas.

Atas permintaan beliau, Kementerian Pertanian meluluskan bantuan banjir segera kepada lebih 4,000 petani di Pulau Pinang dan lebih 8,000 petani di Kedah untuk meringankan beban mereka, terutama bagi pesawah yang mahu mengejar jadual tanaman yang ditetapkan.

Dr Koh dalam ucapannya pada majlis penyampaian bantuan banjir itu berkata ini menunjukkan bahawa Abdullah seorang pemimpin yang mengambil berat tentang nasib petani dan penduduk luar bandar.

"Beliau bagi keutamaan kepada orang awam terutamanya yang miskin dan bukannya golongan korporat. Inilah Paklah," katanya.

Menteri Pertanian Datuk Effendi Norwawi berkata Abdullah memberi penekanan kepada usaha memajukan sektor pertanian sebagai bidang pencarian yang menguntungkan bagi penduduk luar bandar.

Kesan yang nyata daripada majlis sambutan kepulangannya semalam adalah rakyat amat bergembira dengan pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri apabila lebih 30,000 penduduk membanjiri terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas untuk menyambut kedatangan beliau.

Kepulangan ke kampung halamannya di Kepala batas untuk mendapat restu ibunya, Datuk Kailan Hassan, sehari selepas pelantikannya mencerminkan sikap beliau yang taat dan menghormati ibu, dan rendah hatinya untuk berkongsi kegembiraan dengan penduduk kampungnya.

Dalam ucapannya kepada ribuan penduduk Kepala Batas dan kawasan berdekatan, Abdullah berkata jawatan Perdana Menteri baginya bukan satu kebesaran bagi dirinya untuk dibangga-banggakan tetapi merupakan amanah dan tanggungjawab.

Selain menunaikan kewajipan sebagai anak yang baik terhadap ibu dan keluarganya, beliau mahu berkongsi kegembiraan dengan penyokong akar umbi yang selama ini banyak memberi sokongan, bantuan dan kerjasama dalam karier politiknya.

Orang ramai yang datang berpusu-pusu untuk menyambut kepulangannya berkata mereka tertarik dengan sifat merendah diri, peramah, lembah lembut

dan menghormati orang tua yang ada pada Abdullah.

Walaupun hujan lebat, Perdana Menteri masih sanggup meluangkan masa untuk berucap kepada orang ramai dan merekapun tidak mahu berganjak.

Dalam ucapannya kepada penduduk Kepala Batas dan di Lapangan Terbang Bayan Lepas, beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada rakyat memberi sokongan kepada beliau sehingga sampai ke tahap sekarang.

Beliau juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana meninggalkan kepadanya sebuah pentadbiran berkesan dan negara yang termaju antara negara-negara membangun, dan melahirkan keazaman untuk menguruskan kejayaan itu ke tahap yang lebih cemerlang.

Abdullah mengajak rakyat untuk "bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya," untuk menjamin agar kecemerlangan era Dr Mahathir dapat diteruskan.

Koh ketika ditemui di LTABL selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri berkata, Abdullah melahirkan rasa kagum dengan sambutan yang meriah dan mesra yang diberikan oleh orang ramai kepada beliau semalam,

"Kami yakin dengan sokongan padu rakyat dan perkhidmatan awam, Perdana Menteri akan mencapai tahap kecemerlangan berasaskan kepada landasan yang telah dibina oleh bekas Tun Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Koh juga mengingatkan penduduk Pulau Pinang bahawa Abdullah adalah Perdana Menteri untuk seluruh rakyat Malaysia dan tugas beliau bukan hanya tertumpu di Pulau Pinang sahaja.

-- BERNAMA

ZU SA AZE ZS MAI